



MSIG

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd

Registration No. 197901002705(46983-W)

Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,

Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur

Tel +603 20508228, Fax +603 20268086, Customer Service Hotline 1800 88MSIG (6744)

www.msig.com.my

A Member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

INSURANS KAPAL MARIN

Helaian Pendedahan Produk

(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans Kapal Marin. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

1. Apakah keterangan tentang produk ini?

Polisi Kapal Marin melindungi badan kapal dan mesin kapal, termasuk lekapan dan kelengkapannya. Ia juga memberi perlindungan liabiliti terhadap melindungi pemilik kapal terhadap tuntutan pihak ketiga.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Perlindungan/manfaat di bawah polisi ini adalah berdasarkan fasal-fasal polisi.

- Institute Time Clauses Hulls (ITC-Hulls) kondisi sepenuh 1/11/95.
Fasal ini memberi perlindungan secara Kerugian Separa (*Partial Loss*) dan Kerugian Sepenuh (*Total Loss*) ke atas kapal yang diinsuranskan.
- Institute Time Clauses - Hulls (Total Loss only) 1/11/95.
Fasal ini memberi perlindungan secara Kerugian Sepenuh (Kerugian Sebenar Keseluruhan dan Kerugian Membina Keseluruhan) (*Actual Total Loss and Constructive Total Loss*) ke atas kapal yang diinsuranskan akibat daripada peril yang berikut:-

Peril:

- Peril di laut sungai tasik atau lain-lain perairan yang boleh dilayari
- Kebakaran, letupan
- Kecurian dengan menggunakan kekerasan oleh orang dari luar kapal
- Pembuangan ke dalam laut
- Perlanunan
- Kerosakan atau kemalangan kepada pemasangan nuklear atau reaktor
- Sentuhan dengan pesawat udara atau objek serupanya, atau objek yang jatuh daripadanya, kenderaan darat, dok atau peralatan pelabuhan atau pemasangan
- Gempa bumi letusan gunung berapi atau kilat
- Kemalangan ketika pemunggaran, pemunggaran keluar atau pemedahan barangan atau bahan api
- Letupan dandang syaf patah atau apa-apa kecacatan pendam dalam mesin atau badan kapal
- Kecuaian Ketua Pegawai Anak Kapal atau Pemandu Kapal
- Kecuaian pihak pembaik pulih atau penyewa kapal dengan syarat pembaik pulih atau penyewa sedemikian bukanlah Pemegang Polisi
- Baratri oleh Ketua Pegawai atau Anak Kapal

Dan dengan syarat kerugian atau kerosakan itu bukanlah disebabkan oleh usaha wajar Pemegang Polisi, Pemilik atau Pengurus.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di dalam Polisi ini.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



MSIG

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd

Registration No. 197901002705(46983-W)

Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,

Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur

Tel +603 20508228, Fax +603 20268086, Customer Service Hotline 1800 88MSIG (6744)

www.msig.com.my

A Member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

3. Apakah tempoh perlindungan?

Polisi Kapal Marin adalah polisi berdasar tempoh yang menyediakan perlindungan untuk suatu tempoh masa yang tetap, selalunya untuk tempoh dua belas bulan, tertakluk kepada variasi/pembatalan perlindungan yang disediakan oleh Fasal Penerusan dan Fasal Penamatan. Polisi ditamatkan secara automatic apabila terdapat apa-apa perubahan pada pemiliknya atau terdapat apa-apa perubahan kepentingan mengawal jika kapal itu dimiliki atau dioperasi oleh sebuah syarikat.

4. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar akan bergantung pada perlindungan yang diperlukan, pengurusan dan pemilikan diikuti dengan pengalaman tuntutan yang lalu, butir-butir kapal berkenaan dengan jangka hayat, jenis, tanan, bendera, kelas, had kawasan perairan perdagangan dan pengalaman pengunderaitan tentang risiko yang seumpamanya.

5. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

- Komisen yang dibayar kepada penasihat insurans (jika ada), maksimum yang dibenarkan adalah 15% daripada premium kasar
- Duti Setem RM10/- setiap polisi.

Fasal Cukai

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad Kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Risiko Peperangan dan Mogok
- Pengecualian Nuklear
- Pencemaran Radioaktif, Kimia, Biologi, Bio-Kimia dan Senjata Elektromagnetik
- Terorisme

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Polisi ini.

7. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kewajipan Pendedahan: Ia adalah kewajipan Pencadang untuk mendedahkan kepada MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ("Syarikat") sesuatu perkara yang (a) dia tahu sebagai berkaitan kepada keputusan Syarikat sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai; atau (b) seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan. Kewajipan pendedahan ini oleh Pencadang hendaklah berterusan sehingga ke masa kontrak insurans itu dibuat, diubah atau diperbaharui.
- Apa-apa kemungkiran atau ketakdedahan atau salah nyataan fakta-fakta material akan membenarkan penanggung insurans membatalkan kontrak ini dan tiada tuntutan boleh dibayar di bawah kontrak ini dari insepasi kerana kontrak ini tiada mempunyai kesan undang-undang atau kewujudan dari insepasi.
- Insurans ini adalah tertakluk kepada Waranti Premium 60 hari, iaitu premium yang patut dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh penanggung insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh insepasi. Jika tidak, polisi dibatalkan secara automatic dan 60 hari premium pro rata berhak untuk penanggung insurans.



MSIG

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd

Registration No. 197901002705(46983-W)

Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,

Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur

Tel +603 20508228, Fax +603 20268086, Customer Service Hotline 1800 88MSIG (6744)

www.msig.com.my

A Member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

8. Bolehkah saya membuat pembatalan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan bersih bulanan pro-rata untuk tempoh perlindungan insurans yang belum luput. Pemulangan premium tidak dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

9. Apakah yang harus saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam had kawasan perairan perdagangan, pemilikan dan kelas?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada penanggung insurans sebarang perubahan bagi membolehkan kami mengemaskinikan polisi anda untuk menunjukkan perubahan-perubahan tersebut.

10. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat selanjutnya?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Kargo Marin, sila layari laman web kami www.msig.com.my atau anda boleh menghubungi Ibu Pejabat kami, mana-mana cawangan kami atau penasihat insurans anda.

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
Registration No. 197901002705 (46983 -W)
Pusat Khidmat Pelanggan
Tingkat 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng
No. 1, Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur
Tel: (603) 2050 8228
Faks: (603) 2026 8086
Talian Perkhidmatan Pelanggan:: 1800-88-MSIG (6744)
Emel: myMSIG@my.msig-asia.com

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURANS ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS DENGAN SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah pada 01 Jun 2024.